



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PENCAPAIAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN DAN PERUNDANGAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KESIHATAN AWAM BAGI BULAN FEBRUARI 2024

19 MAC 2024

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan untuk kesejahteraan penduduk Malaysia, dan ini termasuklah mengambil tindakan penguatkuasaan undang-undang kesihatan demi kepentingan kesihatan awam.

Bagi bulan Februari 2024, berikut dimaklumkan hasil dan tindakan penguatkuasaan Undang-Undang Kesihatan Awam:

1. Melalui tindakan penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSP) 1975 bagi tujuan pencegahan dan kawalan penyakit Demam Denggi, sejumlah 2,866 tawaran kompaun bernilai RM1,433,000.00 telah dikeluarkan dengan purata RM500.00 setiap kompaun. Sejumlah 410 kes telah didaftarkan untuk tindakan mahkamah dan dalam masa yang sama sebanyak 86 kes telah disabitkan kesalahan di mahkamah dengan jumlah denda RM199,800.00.

2. Melalui penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004, daripada 25,583 premis yang dilawati, sejumlah 14,299 notis kesalahan dikeluarkan. Sebanyak 5,937 kompaun telah ditawarkan dengan nilai tawaran berjumlah RM1,469,750.00.
3. Melalui tindakan penguatkuasaan Akta Makanan 1983, sebanyak 9,212 premis makanan telah diperiksa. Jumlah premis makanan yang diberi perintah penutupan sementara di bawah Sek. 11, Akta Makanan 1983 adalah 263 premis iaitu 2.85% daripada keseluruhan premis makanan yang diperiksa. Tindakan penutupan sementara premis makanan yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah sebagai suatu langkah menjamin kebersihan premis serta makanan yang dihidangkan.

Adalah dimaklumkan, tindakan penguatkuasaan merupakan pilihan terakhir yang diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Orang ramai serta semua pihak adalah diminta untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing agar keberkesanan pelaksanaan aktiviti kesihatan mencapai tahap optimum.

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI ABU HASSAN

KETUA PENGARAH KESIHATAN

15 MAC 2024